Title	Nilai hidup masyarakat Melayu
Author	Muhammad Ariff Ahmad
Source	*Dinamika Budaya* (pp. 33-47)
Published by	Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura

Copyright © 1991 Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Citation: Muhammad Ariff Ahmad. (1991). Nilai hidup masyarakat Melayu. In *Dinamika Budaya* (pp. 33-47). Singapore: Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura.

This document was archived with permission from the copyright owner.

Nilai Hidup Masyarakat Melayu

Muhammad Ariff Ahmad

Tidak hanya mengenai etika atau akhlak semata-mata, tetapi menyeluruh mengenai semua aspek hidup masyarakat Melayu, **adat yang diadatkan** dan **ajaran Islam** adalah menjadi ukuran dan timbangan nilai hidupnya. Tiap perilaku dan kegiatan yang diamalkan mereka adalah dinilai menurut **nilai budaya** [adat merupakan satu daripada unsur budaya] dan **nilai Islam.** Pendeknya, apa sahaja yang baik bagi budaya dan Islam, baiklah bagi orang Melayu; demikian sebaliknya: yang tidak baik bagi kedua nilai itu tidak baiklah bagi mereka.

Peribahasa **hidup dikandung adat, mati dikandung tanah** yang disokong oleh peribahasa **biar mati anak, jangan mati adat** itu jelas menunjukkan bahawa nilai hidup masyarakat Melayu sangat rapat hubungannya dengan adat; adat yang dikukuhkan mamangnya dengan kata: **adat yang tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.**

Orang yang memandang adat sebagai suatu tradisi turun-temurun, yakni melakukan sesuatu yang pernah dilakukan nenek moyangnya tanpa timbang tanding dengan fenomena sekelilingnya, sering menganggap bahawa dua peribahasa terawal [yang juga merupakan antara mamang adat Melayu] itu sebagai sesuatu yang negatif, tidak sesuai dengan kehendak zaman dan harus dihapuskan.

Tetapi, mereka yang menganggap adat itu sebagai suatu ketentuan alam [seperti: siang terang, malam kelam, api panas, air cair.. yang bermain api akan terbakar, yang bermain air pasti basah...] menilai adat itu sebagai aturan atau disiplin yang harus wujud untuk memelihara kesejahteraan hidup manusia, kerana mereka tahu bahawa tanpa peraturan dan disiplin yang teraku, manusia dan haiwan sukar dibezakan.

Menurut terombo adat perpatih, pertumbuhan adat itu berdasarkan kebenaran dunia atau logika yang selaras dengan kejadian alam, seperti yang dinyatakan talibun adat:

Penakik pisau seraut,
ambil galah batang lintabung,
seludang ambil untuk nyiru;
Yang setitis jadikan laut,
yang sekepal jadikan gunung,
alam terkembang jadikan guru.[1]

Berdasarkan mamang **alam terkembang menjadi guru** itu maka lahirlah **adat yang dua terepar** yang menjadi asas adat Melayu, seperti yang dinyatakan perbilangan berikut:

Siapakah yang cerdik bijaksana?
Pertama: Datuk Perpatih
kedua: Datuk Temenggung,
yang mengetahui jalan dua terepar.
Mana jalan yang dua terepar?
Pertama: jalan kerana Allah
kedua: jalan kepada dunia.
Mana yang dikatakan jalan kerana Allah?
Pertama: mengucap
kedua: sembahyang
ketiga: zakat
keempat: puasa
kelima: naik haji.
Manatah jalan yang kepada dunia?
Pertama: gong dan canang
kedua: makan dan minum
ketiga: semenda menyemenda.[2]

Pada umumnya, orang Melayu menganuti salah satu daripada dua macam adat, sama ada yang diundang Datuk Temenggung [yang terkenal dengan nama 'adat Temenggung'] atau yang diundang Datuk Perpatih [yang terkenal dengan nama 'adat Perpatih']. Perbilangan adat itu mengatakan:

Ke laut Adat Temenggung,
ke darat Adat Perpatih..
Adat Temenggung:

---

1. lihat H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau 1986, mukasurat 2.
2. lihat Muhamed Din b Ali Li.B. kertas kerja 3 Seminar Kebudayaan Melayu Singapura 1962.

siapa menjala siapa terjun,
siapa salah siapa bertimbang,
siapa berhutang siapa membayar,
siapa membunuh siapa kena bunuh.
Adat Perpatih:
hutang berturut,
cagar bergadai,
cencang pampas,
bunuh beri balas.[3]

Perbilangan adat tersebut menampakkan hanya cara atau kaedah pelaksanaan adat itu yang berbeza, sedangkan maksud atau matlamat adat yang hendak dicapai adalah sama, iaitu memelihara dan mengamalkan hukum yang adil. Perbezaan cara memang biasa berlaku kerana orang yang di sini tidaklah serba sama dengan yang di sana; demikian pula dengan hal keadaannya. Jika tidak demikian, dimanatah validnya kata peribahasa: **lain padang lain belalang; lain lubuk lain ikannya!**

Untuk memelihara peraturan hidup bermasyarakat bagi menentukan supaya sesuai dengan kehendak peribahasa **bertangga naik berjanjang turun** yang berasaskan 'adat yang dua terepar' tadi, maka diadatkanlah kaedah yang dinyatakan perbilangan:

Sepertama kalam Allah
kedua kalam Nabi
ketiga kalam nang tua..
bak apalah kalam nang tua?
alam beraja,
luak berpenghulu
lingkungan berlembaga
buapak beranak buah.
Sembah kepada datuk.[4]

Kaedah yang tersebut menetapkan supaya tiap masyarakat dan institusi memiliki pemimpin yang mengendalikan dan prihatin terhadap masalah hidup anggota masyarakatnya. Nama pemimpin bagi tiap kelompok masyarakat itu berlainan, namun tugas dan peranannya tidak berbeza.

---

3. lihat Za'ba, Ilmu Mengarang Melayu MPH 1951, mukasurat 136.
4. idem.

Tugas dan peranan pemimpin tiap kelompok itu dinyatakan dalam perbilangan adat yang berkata:

Kayu beringin di tengah padang
yang berpucuk benar-benar bulat
yang berakar sebenar tunjang
daun rimbun tempat berlindung
batangnya besar tempat bersandar
akar kuat tempat bersela
dahannya tempat bergantung
yang tinggi tampak jauh
yang dekat mula bertemu
tempat berlindung ketika panas
untuk berteduh bila hujan.[5]

Ungkapan **sembah kepada datuk** tadi memastikan taat setia anak buah kepada buapaknya; taat setia anggota lingkungan terhadap lembaga pemimpinnya; dan taat setia rakyat terhadap rajanya atau taat setia warganegara terhadap pemerintahnya.

Dalam pada itu segala arah perintah yang harus ditaati itu mestilah sejalan dengan **kalam Allah** [al-Quran], dengan **kalam Nabi** [al-Hadis] dan dengan **kalam yang tua** yang bersendi kalam Allah dan kalam Nabi. Jika arah perintah itu bercanggah dengan kalam Allah dan kalam Nabi, maka bukan sahaja tidak harus ditaati, malah anak buah dinasihati supaya menegur kesilapan pemerintah itu. Nasihat itu terkandungan dalam pepatah yang berkata: **raja adil raja disembah; raja zalim raja disanggah..**

Taat, setia dan **berani** adalah nilai tertinggi bagi masyarakat Melayu kerana ketiga-tiga nilai itu selaras dengan kehendak 'adat yang dua terepar' tadi dan sesuai pula dengan kehendak **adat nan kawi,** iaitu adat yang bersendi syarak. Sifat taat, setia dan berani itu adalah sifat yang paling mulia bagi mereka mengatasi sifat-sifat mulia yang lain; sehingga jika ada sesiapa yang meragui akan ketaatsetiaan dan keberanian orang Melayu, maka orang itu dianggap jahil dan tidak kenal akan orang Melayu!

Saya masih ingat bahawa antara awal 1930-an hingga 1941-1942 [sebelum Singapura diduduki tentera Jepun] kita ada sebuah lagu

---

5. lihat H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau, 1986, mukasurat 169.

yang pada masa itu disebut 'lagu kebangsaan'. Lagu itu sentiasa dinyanyikan oleh murid-murid dan guru sekolah Melayu tiap-tiap hari selepas waktu sekolah sebelum mereka pulang ke rumah. Lagu kebangsaan itu dinyanyikan dengan berdiri tegak dan diikuti dengan lagu 'Allah Selamatkan Raja' [God Save the King].

Masih terngiang-ngiang di telinga saya seni kata lagu kebangsaan itu yang berbunyi:

Kita sekalian bangsa [la] Melayu:
bangsa yang setia, taat dan berani
bersekutu kita, ayohai bangsaku..
ke medan kemajuan kita tujui!
Melayu oh Melayu, Hiduplah Melayu!
sedarlah kita dari sekarang..
Hiduplah Melayu, Hiduplah bangsaku!
silalah tuju ke arah yang terang.[6]

Di samping menyeru orang Melayu supaya bersatu [bersekutu] mengejar kemajuan dan menuju ke arah yang terang, terdapat dua mesej yang sangat bererti yang terkandung dalam nyanyian itu. Pertama: menyatakan dengan tegas tentang **taat, setia** dan **berani** orang Melayu, dan kedua: seruan **hidup Melayu** itu pernah dijadikan salam perjuangan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu [PEKEMBAR/UMNO] ketika pertubuhan itu ditubuhkan pada tahun 1946.

Walaupun **taat, setia** dan **berani** itu merupakan nilai terutama bagi masyarakat Melayu, namun **taat** itu bukanlah taat yang membabi buta; taat yang boleh menjadikan seseorang itu dibodoh-bodohkan, bak kata perumpamaan: **seperti lembu dicucuk hidung.** Taat yang dinilai itu ialah taat yang bertempat dan taat yang bersebab.

Masyarakat Melayu sangat menyanjung tinggi akan orang yang **setia,** yakni orang yang amanah lagi boleh dipercayai. Keteguhan hati memegang janji, bertanggungjawab atas tugas yang diberi adalah antara ciri-ciri kesetiaan yang dijunjung tinggi. Sahabat yang setia, mahu dia menelan bara, namun rahsia sahabatnya tidak akan dibuka; sesuai dengan ajaran yang disebutkan dalam perbilangan

6. lagu ini telah dinyanyikan oleh kontinjen Melayu dalam perarakan merayakan Silver Jubilee King George V pada tahun 1935 dan dalam perarakan pertabalan (coronation) King Geroge VI pada tahun 1937.

adat: **muafakat tak bertukar, rahsia tak berubah.** Kesetiaan menyimpan rahsia itu dinyatakan juga dalam pepatah bidalan yang berkata: **biar pecah di perut, jangan pecah di mulut.**

Bagi masyarakat Melayu, mungkir janji adalah sifat yang tercela, kerana menurut adat yang dua terepar [yang kerana Allah dan yang kepada dunia] mungkir janji itu adalah perbuatan keji. Menurut Islam, orang yang mungkir janji tergolong 'munafik' [mungkir janji itu ialah satu daripada ciri orang munafik]; manakala menurut adat, pemungkir janji yang tidak setia itu tidak dapat dipercayai kerana dia telah menyalahi adat: **kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya.**

Tentang sifat **berani** itu pula, yang dinilai ialah berani berterus terang dan berani membela kebenaran, iaitu berani yang disebutkan dalam peribahasa: **berani kerana benar, takut kerana salah.** Berani begini disebut 'berani jantan'; berani Tok Janggut pahlawan Kelantan yang dinyanyikan dalam lagu 'Singapura Indah', antara seni katanya berbunyi:

Asal Tuk Janggut [kelantan] orang Kelantan..
gagah berani seorang [yang] jantan..
dia bantah ikut aturan..
Negeri Singapura [ya tuan] bermata intan![7]

Muafakat ialah satu lagi nilai Melayu yang masih kekal dipertahankan hingga sekarang, malah dalam masyarakat majmuk di bandaraya kosmopolitan seperti Singapura, nilai muafakat itu sentiasa digalakkan untuk memelihara keharmonian penduduk yang terdiri dari berbilang bangsa keturunan.

Pada zaman dahulu, ketika belum terpengaruh oleh kebudayaan luar, orang Melayu tidak pernah menonjolkan keakuan, keengkauan atau kediaannya. Mereka hidup sebagai satu unit dalam semangat kekitaan yang tulen dan cukup rapi.

Masyarakat Melayu berasal dari masyarakat semuafakat yang seiya sekata, di bawah pimpinan 'nang tua' yang bijaksana. Mereka sentiasa bergotong-royong walau dalam hal yang betapa sekalipun dengan penuh yakin kepada perbilangan adat yang berkata:

---

7. lagu nyanyian almarhum A Raman, popular sekitar 1938-1942.

Bukit sama didaki..
lurah sama dituruni..
laut sama direnungi.
Yang berat sama dipikul..
yang ringan sama dijinjing..
hati gajah sama dilapah..
hati nyamuk sama dicecah.
Sembah kepada datuk!

Tentang hikmat muafakat itu dinyatakan pula dalam perbilangan adat yang berkata:

Kelebihan Nabi dengan mukjizat,
kelebihan manusia dengan muafakat:
bulat air kerana pembetung,
bulat manusia kerana muafakat.
Tatkala kecil bernama muafakat,
tatkala besar bernama adat;
si raja adat kepada muafakat.
Air melurut dengan bendarnya..
benar melurut dengan muafakatnya,
negeri bertumbuh dengan adatnya..
muafakat lalu di dalam gelap,
adat lalu di tengah terang,
alah adat oleh muafakat.[8]

Perbilangan tersebut menunjukkan kesan muafakat itu mengatasi adat, sehingga dengan muafakat yang bulat, adat peraturan yang tidak relevan lagi boleh di pinda, boleh diubahsuai; malah boleh ditolak atau ditinggalkan demi untuk kebajikan masyarakat. Maklumlah hidup kita ini memang masih di dunia yang dahulu juga tetapi alamnya sudah banyak berubah [pinggir jadi kampung; kampung jadi pekan; pekan jadi bandar kemudian bandaraya] maka kita yang hidup dalam alam itu kenalah **menari ikut gendang** seperti yang dinyatakan adat dalam seloka:

lain hulu lain parang;
lain dahulu lain sekarang!

Di pinggir dahulu, kita sebagai orang hulu, jadi manusia yang memakan ubi dan taruk-taruk kayu. Anggota masyarakat tidak

8. lihat Za'ba, Ilmu Mengarang Melayu MPH 1951, mukasurat 136.

ramai, tidak banyak polahnya, tidak banyak mukaranahnya dan tidak pula banyak mahunya. Maka falsafah **'tidak apa'** selalunya dapat menyelesaikan kebanyakan masalah kita pada masa itu.

Apabila berpindah ke kampung atau daerah hulu itu berubah menjadi kampung, keperluan hidup sudah menjadi bertambah besar; masalah yang dihadapi menjadi bertambah banyak juga, maka peraturan dan disiplin yang disebut 'adat' itu pun disesuaikanlah dengan fenomena alam yang baru itu. Maka terbentuklah adat yang dibilangkan:

Duduk berpelarasan,
dekat rumah dekat kampung:
halaman satu sepermainan,
seperigi sepermandian,
segayung sepergiliran,
sejamban setepian..
muafakat tak bertukar,
rahsia tak berubah;
ibarat labu menjalar ke hulu...
ibarat kundur menjalar ke hilir..
pangkalnya sama dipupuk,
pucuknya sama digantis,
buahnya sama ditarik..

Ke bukit sama didaki,
ke lurah sama dituruni,
ke laut sama direnangi,
berat sama dipikul,
ringan sama dijinjing,
hati gajah sama dilapah,
hati nyamuk sama dicecah...
Sembah kepada datuk.[9]

Kekukuhan hidup bekerjasama dan tolong-menolong itu dinyatakan dalam perbilangan yang berbunyi:

Sama menghayun sama melangkah
jika khabar baik diberitahu
jika khabar buruk segera didatangi

---

9. lihat Za'ba, Ilmu mengarang Melayu MPH 1951, mukasurat 137.

jika jauh ingat mengingati
jika dekat temu menemui
dapat sama laba, hilang sama rugi.[10]

Keluar dari kampung ke pekan.. ke kota dan ke kota raya menjadikan orang Melayu berhijrah dari 'masyarakat tertutup' [Masyarakat yang terikat oleh adat yang serba sama] ke 'masyarakat terbuka' [masyarakat majmuk yang menganut pelbagai adat/budaya], maka adat yang diundangkan Datuk Temenggung dan Datuk Perpatih itu tertembung dengan adat sekular yang dianut masyarakat pendatang.

Ada pepatah adat yang mengatakan: **di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.** Pepatah adat itu mengungkap di mana seseorang itu berada [sama ada kerana bermukim ataupun kerana mencari makan] maka adat tempat mereka berada itu mestilah diturut. Dengan hal yang demikian barangsiapa yang mahu **duduk sama rendah berdiri sama tinggi** dengan masyarakat setempat kenalah mereka menyelaraskan **adat yang diadatkan** itu dengan peraturan dan undang-undang setempat.

Tambahan pula, izin untuk mengubahsuai adat yang diadatkan itu sudah sedia termaktub dalam pantun adat yang berkata:

Adat biaso kito pakai,
limbago nan samo dituang;
Nan elok samo dipakai,
nan buruak samo dibuang.[11]

yang dalam bahasa baku, kita lafazkan kira-kira:

Adat biasa yang dipakai,
lembaga yang sama dituang;
Yang elok sama kita pakai,
yang buruk sama kita buang.

Dalam pada itu kita diingatkan pula: dalam pada membuang atau meninggalkan adat lembaga itu, jangan pula sampai terbuang yang teras atau yang inti; jangan sampai sakagurunya kita rebahkan; jangan sampai kerana hendak memperelok bibir supaya mongel

---

10. lihat Ismail Hamid, Masyarakat dan Budaya Melayu DBP 1988, mukasurat 80.
11. lihat H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, 1000 Pepatah, Petitih, Pantun, Gurindam 1988 mukasurat 2.

sesisir gigi diluruhkan. Amaran supaya meninggalkan adat yang tidak perlu itu dengan hati-hati terkandung dalam pantun adat yang berkata:

Alah basurieh bak sipasin,
kok bakik alah bajajak;
Habih tahun baganti musim,
sandi adat jangan dianjak![12]

yang dalam bahasa baku, pantun itu diucapkan kira-kira:

Alah bersurih umpama sepasin,
jika berkik alah berjejak;
Habis tahun berganti musim,
sendi adat jangan dianjak![13]

Adapun yang dimaksudkan dengan 'sandi adat' itu ialah **adat nan kawi,** iaitu adat yang kukuh; adat yang kuat dianut sebagai pegangan hidup; adat yang terpusaka zaman berzaman, yakni adat yang **tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan;** adat yang **dipindah tak layu, dicabut tak mati.** Adat ini meliputi semua aspek hidup masyarakat termasuk sistem pertadbiran, hukum hakam, pendidikan, ekonomi dan kebajikan sosial.

Adat nan kawi ialah adat yang sebenarnya adat; adat yang bersendi syarak, iaitu adat yang selari dengan hukum agama [Islam], yang dibilangkan dalam mamangnya:

Adat bersendi syarak
Syarak bersendi kitabullah
Syarak mengata adat memakai
Wujudnya satu berlain jalan
Apabila berdiri syarak..
maka gugurlah adat.[14]

Dengan meletakkan syarak di atas adat itu, maka walau apa pun perubahan nilai yang sedang dan yang akan berlaku, nilai-nilai asas

---

12. lihat H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, 1000 Pepatah, Petitih, Pantun, Gurindam 1988, mukasurat 2.
13. **bersurih** = bergaris; **sepasin** = serangga yang kita sebut sibu-sibu; **berkik** = sejenis burung rawa yang hidup dengan memakan serangga halus di paya, saiznya kira-kira burung terkukur.
14. lihat H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau 1986, mukasurat xiv.

yang dinyatakan sebagai sendi adat itu adalah perlu dipertahankan sebagai warisan yang merupakan manifestasi bangsa keturunannya, bak kata peribahasa: **daripada buah kekenalan pohonnya,** atau.. **sebab buah dikenal pohonnya.**

Selain daripada nilai-nilai yang tersebut tadi, masyarakat Melayu sangat menjunjung tinggi akan **budi bahasa.** Nilai itu dapat kita lihat dalam banyak peribahasa, antaranya:

- **orang berbudi kita berbahasa.**
- **budi bahasa tidak dijual beli.**
- **berbudi bagai pisang lebat.**
- **kurang budi teraba-raba, tiada ilmu suluh padam.**

dan yang sebagainya; malah nilai budi itu terakam juga dalam pantun-pantun seperti:

* *Nan kurik ialah kundi,*
Nan merah ialah saga;
Nan baik ialah budi,
Nan indah ialah bahasa..

* *Makan sirih berpinang tidak,*
Pinang ada di Melaka;
Makan sirih mengenyang tidak,
Sebab budi dengan bahasa..

* *Pucuk pauh sedang terjela,*
Penjolok bunga legundi;
Agar jauh silang sengketa,
Perhalus budi dengan bahasa.

dan ada lagi 131 rangkap pantun yang khusus mengenai budi bahasa itu telah dirakam dan dibukukan orang.[15]

Banyak lagi nilai-nilai yang melengkapkan kehidupan masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang berperadaban dan berkebudayaan di samping menerima nilai-nilai baru yang sesuai dengan kehidupan moden yang canggih. Antara nilai-nilai itu ialah:

Nilai **merendah diri** masih dipertahankan melihat kepada masih validnya peribahasa-peribahasa seperti:

- **ular menyusur akar takkan hilang bisanya.**
- **mutiara jatuh ke perlimbahan adakah hilang cahayanya?**
- **bawalah resmi padi, makin berisi semakin tunduk.**
- **hendak sombong berbini banyak, hendak megah berlawan lebih.**

15. lihat Zainal Abidin Bakar, Kumpulan Pantun Melayu DBP 1984, mukasurat 71-88.

Pepatah petitih yang terakhir itu menyindir orang sombong atau bongkak kerana tidak **merendah diri.**

Ungkapan-ungkapan seperti **tangkai jering; macam kikir pari; genggam tak tiris** dan sebagainya menyindir sikap orang yang pelokek [tidak murah hati], dan peribahasa seperti: **tepungnya mahu, kuihnya pun dia mahu.. sebab lemak santan binasa, sebab tamak badan merasa** dan yang sebagainya menyindir orang yang tamak.

Sikap benci kepada lokek dan tamak itu adalah pernyataan sifat **murah hati** masyarakat Melayu.

Demikian pula, nilai **sabar** yakni tekun dan berhati-hati, dapat kita lihat pada peribahasa-peribahasa seperti:

- *sedikit, sedikit lama-lama jadi bukit.*
- *biar lambat asalkan selamat.*
- *nak kaya berdikit-dikit, nak besar bertabur urai.*

dan yang sebagainya.

Nilai **perpaduan masyarakat** kelihatan pula pada peribahasa-peribahasa seperti:

- *cubit paha kiri, paha kanan sakit juga.*
- *ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua.*

atau dalam perbilangan seperti:

Seikat seperti sirih
serumpun seperti serai
seciap seperti ayam
sedencing bak besi..
Suku tak boleh dianjak;
melompat sama patah,
menyerudup sama bongkok,
jalan sedundun, selenggang seayun..

Peribahasa **kurang budi teraba-raba, tiada ilmu suluh padam** tadi juga memberi isyarat bahawa masyarakat Melayu menilai ilmu itu sebagai suluh hidup. Maka nilai ilmu itu diserukan kepada generasi berikutnya awal-awal lagi. Menerusi dendangan ibu kepada bayinya yang belum tahu apa-apa itu kita dengar sang ibu berpantun:

Timang tinggi-tinggi,
sampai cucur atap;
Belum tumbuh gigi,
sudah pandai baca kitab.

Pantun tersebut merupakan harapan dan doa ibu supaya bayinya itu kelak menjadi orang berilmu. Harapan ibu itu ditambah pula dengan galakan kakaknya ketika membuai adiknya dengan pantun seperti:

Tidur adik tidurlah nyawa,
Emak duduk menjahit baju,
Orang pandai selalu ketawa,
Kerana kerjanya selalu maju.
Kalau adik tidur nyenyak,
Emak membasuh senang hati;
Orang pandai kalau banyak,
Boleh senang buat bakti.[16]

Sesekali apakala kanak-kanak itu kelihatan malas belajar, disindir pula dengan pantun seperti:

Sorong papan tarik papan,
Buah keranji dalam perahu;
Suruh makan engkau makan,
Suruh mengaji engkau tak mahu.

Berada di tengah-tengah masyarakat terbuka dalam bandaraya kosmopolitan seperti di Singapura ini, masyarakat Melayu berasa bahawa nilai ilmu itu menjadi semakin penting di samping mempertahankan nilai budi bahasa yang luhur. Maka untuk mencapai maksud pantun adat yang berkata:

Anjalai tumbuh di munggu,
Sugi-sugi di rumpun padi,
Supaya pandai rajinlah berguru,
Supaya tinggi naikkan budi.[17]

itulah masyarakat Melayu [di Singapura] telah menubuhkan Jawatankuasa Pelajaran Melayu; Majlis Pelajaran Melayu; Lembaga

16. lihat Harun Aminurrashid, Sinar Baru buku 2 1962, mukasurat 20.
17. lihat H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, 1000 Pepatah, Petitih, Pantun, Gurindam 1988, mukasurat 1.

Biasiswa Kenangan Maulud. dan paling akhir: MENDAKI untuk mendorong dan membantu anak-anak Melayu mencapai ilmu pada tahap setinggi mungkin, kerana mereka sedar bahawa berguru atau menuntut ilmu yang tidak menyampai itu adalah ibarat yang dikatakan pantun adat:

Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang kaki;
Berguru kepalang ajar,
Bagai bunga kembang tak jadi.

Orang yang berilmu 'bagai bunga kembang tak jadi' itu tak dapat dimanfaatkan ilmunya; untuk dirinya sendiri ilmunya itu tidak bermanfaat, apalagi untuk masyarakatnya! Fenomena begini dinyatakan dalam perbilangan adat yang berkata:

Alang tukang binaso kayu;
Alang cadiak binaso adat;
Alang arih binaso tubuah.[18]
[kepalang tukang binasa kayu;
kepalang cerdik binasa adat;
kepalang arif binasa tubuh.]

Dengan nilai hidup yang dibentangkan di atas tadi, rasanya, masyarakat Melayu sudah punya modal yang memadai dan tidak akan terasa kekok atau canggung untuk menyertai hidup di bandaraya bersama-sama masyarakat lain yang menjadi warganegara Singapura, mencapai matlamat nilai nasional kita: satu bangsa, satu negara, satu Singapura!

Walaupun masyarakat-masyarakat lain itu mempunyai nilai hidupnya sendiri-sendiri, namun kebanyakan nilai hidup Melayu yang dinyatakan tadi tidaklah bertentangan dengan nilai hidup mereka; malah nilai hidup seperti taat setia, berani, muafakat, bekerjasama, hidup aman dan damai di bawah pimpinan 'nang tua' sudah merupakan nilai umum rakyat Singapura yang diamalkan sehari-hari.

Tambahan pula kelenturan (flexibility) amalan nilai-nilai tadi adalah sederhana dan berpatutan. Masyarakat Melayu tidak pula degil untuk menerima nilai-nilai baru dengan syarat nilai itu tidak

---

18. lihat H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, 1000 Pepatah, Petitih, Pantun, Gurindam 1988, mukasurat 1

bertentangan dengan ajaran Islam [tidak mengapa nilai itu tidak sejalan, tetapi janganlah ia bertentangan dengan ajaran Islam].

Orang Melayu beragama Islam; tiap Muslim punya pertalian dengan Allah dan dengan sesama manusia. Ada waktu-waktu tertentu bagi mereka untuk menunaikan sembahyang harian [menunaikan adat yang dikatakan: jalan kerana Allah]. Selagi waktu-waktu itu [terutama waktu maghrib yang singkat] tidak tersentuh, mereka tidak keberatan menyertai kegiatan rakan-rakan bukan-Islamnya.

Masyarakat Melayu/Islam sentiasa berdoa: **Ya Allah! Berilah kami kebaikan-kebaikan di dunia dan kebaikan-kebaikan di akhirat, serta lindungilah kami daripada siksa api neraka!** Doa itu menunjukkan bahawa hidup mereka bukan setakat di dunia ini sahaja tetapi di akhirat juga. Sebab itu mereka memohon kebajikan di kedua-dua dunia itu.

Jika mereka diundang menyertai suatu kegiatan duniawi pada waktu maghrib, maka tanpa ragu-ragu mereka akan memilih akhirat [mengerjakan sembahyang]. Sikap atau pilihan mereka itu sesuai pula dengan amaran pantun pusaka yang berkata:

Halia itu tanam-tanaman,
ke barat juga akan condongnya;
Dunia ini pinjam-pinjaman,
Akhirat juga akan sungguhnya!

bacaan:

1. Abdullah Hussain, **Kamus Istimewa Peribahasa Melayu,** DBP Malaysia 1989.
2. Harun Aminurrashid, **Sinar Baru buku 2,** Pustaka Melayu Singapura 1962.
3. H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, **Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak,** Remadja Karya CV Bandung 1988.
4. H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, **100 Pepatah-petitih, Mamang-bidal, Pantun-gurindam,** Remadja Karya CV Bandung 1986.
5. Heroe Kasida Brata Atmadja, **Kamus 500 Peribahasa Indonesia,** Kunisius Indonesia 1985.
6. Ismail Hamid, **Masyarakat dan Budaya Melayu,** DBP Malaysia 1988.
7. K St Pamuncak, N St Iskandar dan A Dt Madjoindo, **PERIBAHASA,** PN Balai Pustaka Jakarta 1983.
8. Mohamed Din b Ali Ll.B., kertas kerja 3 kepada **Seminar Kebudayaan Melayu Singapura,** 25 Nov – 2 Dis 1962.
9. Za'ba, **Ilmu Mengarang Melayu,** MPH Singapura 1951.
10. Zainal Abidin Abu Bakar, **Kumpulan Pantun Melayu,** DBP Malaysia 1984.